


*Zayd bin Thabit r.a*

*Ilmuan Sahabat dalam Faraid*

Zahari Mahad Musa



*Zayd bin Thabit r.a*  

---

*Ilmuan Sahabat dalam Faraid*

---



Zahari Mahad Musa

Penerbit  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai  
Negeri Sembilan  
2012

**CETAKAN PERTAMA 2012**

© Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

**PENERBIT USIM**

Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai  
Negeri Sembilan Darul Khusus  
Tel:06-798 8226/6081 | Faks:06-798 6083  
*penerbit.usim.edu.my*  
*pej.penerbitan@usim.edu.my*

Penerbit USIM adalah anggota  
**MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA**

Dicetak di Malaysia oleh:

**PERCETAKAN MESBAH SDN. BHD.**

No. 11, Jalan Tun Perak 6,  
Taman Tun Perak  
43200 Cheras  
Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-9105 6473/6469 | Faks : 03-9105 6469

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam Penerbitan

Zahari Mahad Musa

Zayd bin Thabit RA: ilmuwan sahabat dalam faraid / Zahari Mahad Musa.  
ISBN 978-967-0393-03-2

1. Zayd ibn Thabit, d. 665. 2. Muḥammad,--Prophet,--d. 632--  
Companions--Biography. I. Judul.  
297.648

## *Kandungan*

|  |           |
|--|-----------|
| Jadual Transliterasi   | vii       |
| Senarai Jadual dan Rajah   | xi        |
| PENDAHULUAN  | xiii      |
| <b>BAB 1: SAHABAT RASULULLAH SAW:<br/>GENERASI SANDARAN HUKUM</b>  | <b>15</b> |
| Pendahuluan  | 15        |
| Kedudukan Sahabat Rasulullah SAW dalam<br>Perundangan Islam  | 17        |
| Sahabat Rasulullah SAW yang Terkenal dalam Fiqh<br>Pendirian Ulama Usul Fiqh Berkaitan <i>Qawl</i><br><i>Al-Sahābiyy</i> | 21        |
| i. Pendapat yang Menerima Secara Mutlak  | 27        |
| ii. Pendapat yang Menolak Secara Mutlak  | 29        |
| iii. Pendapat yang Menerima dengan Bersyarat   | 30        |
| Kesimpulan   | 33        |
| <b>BAB 2: PERSONAL ZAYD BIN THĀBIT R.A.</b>  | <b>35</b> |
| Pendahuluan  | 35        |
| Nama, Keturunan dan Gelaran  | 36        |
| Keluarga   | 37        |
| Tarikh Kelahiran, Pengislaman dan Kematian   | 40        |
| Personaliti Diri   | 42        |
| Kesimpulan   | 46        |
| <b>BAB 3: KETOKOHAN ZAYD BIN THĀBIT R.A</b>  | <b>47</b> |
| Pendahuluan  | 47        |
| Penulisan Wahyu  | 47        |
| Periwayatan Hadis  | 51        |
| Ilmu Fiqh dan Faraid   | 61        |
| Ilmu-ilmu lain   | 65        |
| Kesimpulan   | 66        |

|  |            |
|--|------------|
| <b>BAB 4: ZAYD BIN THĀBIT R.A. DALAM ILMU FARAID</b>                               | <b>67</b>  |
| Pendahuluan  | 67         |
| Kedudukan Ilmu Faraid  | 68         |
| Hikmah Pensyariatian Faraid  | 75         |
| Zayd bin Thābit r.a dan Pengagihan Faraid  | 80         |
| Konsep Asas Faraid   | 82         |
| i. Waris-waris <i>Ashāb al-Furūd</i>   | 90         |
| ii. Waris-waris <i>‘aṣabah</i>   | 115        |
| iii. Waris-waris <i>Dhawī al-arḥām</i>   | 120        |
| iv. Kaedah <i>al-Radd</i> dan <i>al-‘Awl</i>                                       | 122        |
| Kesimpulan   | 127        |
| <br>   |            |
| <b>BAB 5: PENDIRIAN ZAYD BIN THĀBIT R.A.<br/>BERKAITAN KES-KES FARAID TERTENTU</b> | <b>129</b> |
| Pendahuluan  | 129        |
| Kes <i>Al-Musharrakah</i>  | 130        |
| Kes <i>Al-Kharqā’</i>  | 132        |
| Kes <i>Al-Akdariyyah</i>   | 134        |
| Kes <i>Al-Mu‘āddah</i>   | 136        |
| Kes <i>Al-Hamziyyah</i>  | 141        |
| Kes Anak Zina dan <i>Li‘ān</i>   | 143        |
| Kes Kematian Serentak  | 145        |
| Kesimpulan   | 145        |
| <br>   |            |
| PENUTUP  | 147        |
| NOTA HUJUNG  | 151        |
| GLOSARI  | 159        |
| RUJUKAN  | 165        |
| INDEKS   | 175        |

# Jadual Transliterasi

| Huruf Arab | Huruf Latin | Contoh Asal | Contoh Transliterasi |
|------------|-------------|-------------|----------------------|
| ء          | ‘           | سأل         | sa‘ala               |
| ب          | b           | بدل         | badala               |
| ت          | t           | تمر         | tamr                 |
| ث          | th          | ثورة        | thawrah              |
| ج          | j           | جمال        | jamāl                |
| ح          | h           | حديث        | ḥadith               |
| خ          | kh          | خالد        | khālīd               |
| د          | d           | ديوان       | dīwān                |
| ذ          | dh          | مذهب        | madhhab              |
| ر          | r           | رحمان       | raḥmān               |
| ز          | z           | زمزم        | zamzam               |
| س          | s           | سراب        | sarāb                |
| ش          | sh          | شمس         | shams                |
| ص          | s           | صبر         | ṣabr                 |

|   |    |       |        |
|---|----|-------|--------|
| ض | d  | ضمير  | ḍamīr  |
| ط | t  | طاهر  | ṭāhir  |
| ظ | z  | ظهير  | ẓuhr   |
| ع | c  | عبد   | ‘abd   |
| غ | gh | غيب   | ghayb  |
| ف | f  | فقه   | fiqh   |
| ق | q  | قاضي  | qāḍiyy |
| ك | k  | كأس   | ka’s   |
| ل | l  | لبن   | laban  |
| م | m  | مزمار | mizmār |
| ن | n  | نوم   | nawm   |
| ه | h  | هبط   | habaṭa |
| و | w  | وصل   | wasl   |
| ي | y  | يسار  | yasār  |

### Vokal Pendek

| Huruf Arab | Huruf Latin | Contoh Asal | Contoh Transliterasi |
|------------|-------------|-------------|----------------------|
| ا          | a           | فعل         | fa <sup>c</sup> ala  |
| ي          | i           | حسب         | ḥasiba               |
| و          | u           | كتب         | kutiba               |

### Vokal Panjang

| Huruf Arab | Huruf Latin | Contoh Asal | Contoh Transliterasi |
|------------|-------------|-------------|----------------------|
| ا، ي       | ā           | كاتب        | kātib                |
| ي          | ī           | كريم        | karīm                |
| و          | ū           | حروف        | ḥurūf                |

### Diftong

| Huruf Arab | Huruf Latin | Contoh Asal | Contoh Transliterasi |
|------------|-------------|-------------|----------------------|
| او         | aw          | قول         | qawl                 |
| اي         | ay          | سيف         | sayf                 |
| اي ي       | iyy         | رجعي        | raj <sup>c</sup> iyy |
| وو         | uww         | عدو         | <sup>c</sup> aduww   |

## Perkecualian

1. Huruf Arab ء (hamzah) pada awal perkataan ditransliterasikan kepada a bukan kepada ‘. Contoh: أكبر . Transliterasi: akbar bukan ‘akbar.
2. Huruf Arab ة، ة، (ta’ marbutah) pada perkataan ال (al) yang bersambung dengan perkataan lain ditransliterasikan kepada t. Contoh: وزارة التعليم. Transliterasi: wizarāt al-ta‘līm. Tetapi sekiranya terdapat pada perkataan yang ada ال (al) atau pada perkataan tunggal atau perkataan terakhir, tā’ marbutah ditransliterasikan kepada h.

| Contoh          | Transliterasi           |
|-----------------|-------------------------|
| المكتبة الأهلية | al-maktabah al-ahliyyah |
| قلعة            | qal‘ah                  |
| دار وهبة        | dār wahbah              |

# Senarai Jadual dan Rajah

## Senarai Jadual

|            |   |     |
|------------|---|-----|
| Jadual 1:  | Teks hadis yang diriwayatkan oleh Zayd berstatus <i>muttafaqun ‘alayh</i> | 53  |
| Jadual 2:  | Hadis yang diriwayatkan oleh Zayd dalam karya <i>al-Sunan al-Sittah</i>   | 55  |
| Jadual 3:  | Perawi-perawi hadis daripada Zayd dalam <i>al-Mu‘jam al-Kabīr</i>         | 57  |
| Jadual 4:  | Contoh penyelesaian Zayd dalam kes yang melibatkan waris datuk (i)        | 111 |
| Jadual 5:  | Contoh penyelesaian Zayd dalam kes yang melibatkan waris datuk (ii)       | 112 |
| Jadual 6:  | Contoh penyelesaian Zayd dalam kes yang melibatkan waris datuk (iii)      | 113 |
| Jadual 7:  | Contoh penyelesaian Zayd dalam kes yang melibatkan waris datuk (iv)       | 114 |
| Jadual 8:  | Contoh kes melibatkan pengiraan kaedah <i>al-Radd</i>                     | 124 |
| Jadual 9:  | Contoh kes melibatkan pengiraan kaedah <i>al-‘Awl</i>                     | 126 |
| Jadual 10: | Penyelesaian Zayd dalam kes <i>al-musharrakah</i>                         | 131 |
| Jadual 11: | Penyelesaian Zayd dalam kes <i>al-kharqā’</i>                             | 133 |
| Jadual 12: | Penyelesaian Zayd dalam kes <i>al-akdariyyah</i>                          | 135 |
| Jadual 13: | Penyelesaian Zayd dalam kes <i>al-‘ashariyyah</i>                         | 137 |
| Jadual 14: | Penyelesaian Zayd dalam kes <i>al-‘ishrāniyyah</i>                        | 138 |
| Jadual 15: | Penyelesaian Zayd dalam kes <i>al-mukhtaṣarah</i>                         | 139 |
| Jadual 16: | Penyelesaian Zayd dalam kes <i>al-tis‘āniyyah</i>                         | 140 |
| Jadual 17: | Penyelesaian Zayd dalam kes <i>al-ḥamziyyah</i>                           | 142 |

## Senarai Rajah

|          |                                    |    |
|----------|------------------------------------|----|
| Rajah 1: | Carta Keluarga Zayd bin Thabit r.a | 41 |
| Rajah 2: | Carta Aliran Pengagihan Faraid     | 81 |

# Pendahuluan

---

Sahabat Rasulullah SAW merupakan golongan terpenting dalam sejarah perundangan Islam. Mereka mempunyai peranan yang besar dalam mengembangkan ajaran Islam seperti yang disyariatkan oleh Allah SWT melalui Rasulullah SAW. Ini kerana, mereka adalah generasi pertama yang melihat wahyu diturunkan dan sesuatu hukum disyariatkan. Di samping itu, mereka merupakan generasi awal dalam mempraktikkan ajaran dan hukum hakam pada zaman awal perundangan Islam. Terdapat banyak ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW yang memperakui serta memartabatkan kedudukan mereka sebagai generasi yang berwibawa dan mempunyai kredibiliti yang tersendiri berbanding umat yang datang selepas mereka.

Apabila membicarakan peranan para sahabat r.a dalam perundangan Islam, maka sudah semestinya tidak lari dalam memperkatakan setiap pandangan mereka atau lebih dikenali dengan *qawl al-sahābiyy*. Ulama usul al-fiqh telah membincangkan perkara tersebut dalam menentukan sejauhmana penerimaan *qawl al-sahābiyy* sebagai salah satu sumber hukum. Dalam erti kata lain, kekuatan sesuatu pendapat yang dikeluarkan oleh para sahabat masih dipertikaikan antara pro dan kontra untuk menjadi sandaran kepada permasalahan hukum fiqh. Walaupun status *qawl al-sahābiyy* hanya dianggap sebagai salah satu dalil yang tidak disepakati, namun peranan yang dimainkan oleh para sahabat r.a terutamanya mereka yang dikategorikan sebagai ilmunan atau *faqīh* daripada kalangan mereka tidak boleh dipertikaikan. Antara sahabat Rasulullah SAW yang termasuk dalam kategori ini ialah Zayd bin Thābit r.a.

Zayd bin Thābit r.a merupakan seorang sahabat yang terkenal dalam perundangan Islam. Beliau banyak memberi sumbangan kepada Islam dan masalah-masalah yang berlaku pada zamannya. Beliau juga layak dinobatkan sebagai tokoh ilmunan sahabat r.a yang menjadi rujukan kepada umat Islam selepasnya. Kewibawaan beliau turut terserlah dalam ilmu fiqh terutamanya bidang faraid. Bidang tersebut merupakan satu cabang ilmu yang memerlukan penelitian yang mendalam oleh setiap mujtahid. Kelebihan beliau dalam bidang tersebut telah diiktiraf serta diperakui sendiri oleh Rasulullah SAW

dalam hadis baginda. Pengaruh pandangan beliau dalam bidang faraid juga sangat memberi kesan kepada pendapat imam-imam mazhab yang terkenal.

Buku ini ditulis bagi menjadi bacaan tambahan berkaitan biografi ilmuan Islam terdahulu terutama generasi awal Islam iaitu sahabat Rasulullah SAW. Riwayat-riwayat yang disandarkan kepada Zayd bin Thābit r.a dalam faraid merupakan perbincangan utama penulisan buku ini. Lima bab diketengahkan bagi tujuan tersebut. Bab pertama dimulakan dengan pengenalan kepada kedudukan sahabat Rasulullah SAW sebagai generasi awal yang menerima, melihat dan mengamalkan ajaran Islam di bawah panduan dan bimbingan Rasulullah SAW. Kepentingan pendapat mereka dibincangkan kerana menjadi isu perbincangan utama dikalangan ilmuan *uṣūl al-fiqh* sebagai salah satu sumber sekunder dalam memahami hukum syarak.

Perbincangan bab kedua tertumpu kepada peribadi Zayd bin Thābit r.a dengan melihat latar belakang diri, keluarga dan beberapa personaliti beliau. Bab ketiga pula membincangkan ketokohan Zayd bin Thābit r.a sepanjang kehidupan beliau. Perbincangan akan menyentuh sumbangan dan kelimuan utama beliau iaitu penulisan wahyu, periwayatan hadis, penguasaan ilmu fiqh, faraid dan ilmu-ilmu lain.

Kelimuan Zayd bin Thābit r.a dalam ilmu faraid diterangkan secara terperinci dalam bab keempat dan kelima. Bab keempat membincangkan ijtihad Zayd bin Thābit r.a berkaitan beberapa perkara asas dalam penyelesaian faraid berdasarkan riwayat-riwayat yang direkodkan. Ini termasuklah konsep asas faraid, waris-waris *aṣḥāb al-furūd*, waris-waris *‘aṣabah*, waris-waris *dhawī al-arḥām* serta kaedah *al-radd* dan *al-‘awl*. Bab kelima pula menyentuh beberapa kes faraid tertentu yang diselesaikan oleh Zayd bin Thābit r.a. Antara kes-kes tersebut ialah kes *al-mushtarakah*, kes *al-kharqā’*, kes *al-akdariyyah*, kes *al-mu‘āddah*, kes *al-ḥamziyyah*, kes anak zina dan *li‘ān* serta kes kematian serentak.

# Nota Hujung

## (Endnotes)

<sup>1</sup> Kesemua pandangan sahabat disebut juga dengan istilah *athar*.

<sup>2</sup> Beliau ialah Ahmad ibn ʿAliyy ibn Muhammad (773H-852H/1372M-1449M). Berasal dari ʿAsqalān (Palestin) dan meninggal dunia di Kaherah. Seorang tokoh dalam ilmu-ilmu Islam seperti sejarah, hadīth dan kesusasteraan arab. Antara karya penulisan beliau ialah *lisān al-mizān*, *taqrīb al-tahdhīb*, *al-iṣābah*, *tahdhīb al-tahdhīb* dan lain-lain lagi. al-Zirikliyy, Khayr al-Dīn. 1997. *Al-Aʿlām*. Beirut: Dār al-ʿIlm al-Malāyīn. jil 1. hlm 178.

<sup>3</sup> Beliau ialah ʿAliyy ibn Muhammad ibn Sālim, Abū al-Hasan (551H-631H/1156M-1233M). Berasal dari Āmad dan kemudiannya berpindah ke beberapa tempat seperti Baghdad dan Syam bagi tujuan menuntut ilmu. Beliau merupakan salah seorang penyelidik dan tokoh usul al-fiqh. Antara karya beliau ialah *al-Iḥkām fī uṣūl al-aḥkām*, *muntahā al-sawl* dan *lubāb al-albāb*. al-Zirikliyy, Khayr al-Dīn. 1997. jil 4. hlm 332.

<sup>4</sup> Beliau ialah Muhammad ibn ʿAbd al-Rahman ibn Muhammad (831H-902H/1427M-1497M). Seorang sejarawan dan mempunyai kepakaran dalam bidang hadīth, tafsir dan kesusasteraan arab. Berasal dari Sakhā (sebuah kampung yang terdapat di Mesir). Beliau dilahirkan di Kaherah dan meninggal dunia di Madinah. Antara karya beliau ialah *al-ḍawʿ al-lāmiʿ fī aʿyān al-qarn al-tāsiʿ*, *sharh alfiyyah al-ʿirāqī*, *al-maqāṣid al-ḥasanah*, *al-qawl al-badīʿ fī aḥkām al-ṣalāt* dan lain-lain lagi. al-Zirikliyy, Khayr al-Dīn. 1997. jil 6. hlm 194.

<sup>5</sup> Semua terjemahan ayat-ayat al-Quran dalam tulisan ini berdasarkan Tafsir pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran, edisi 13, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, 1996.

<sup>6</sup> Beliau ialah Masrūq ibn al-Ajdaʿ ibn Mālik al-Hamdānī, Abū ʿAyshah (meninggal dunia tahun 63H/683M). Beliau merupakan seorang tābiʿīn yang *thiqah* dan berasal dari Yaman. Beliau telah berhijrah ke Madinah semasa pemerintahan khalifah Abū Bakar. Beliau juga dianggap seorang yang berpengetahuan luas dalam bidang fatwa. al-Zirikliyy, Khayr al-Dīn. 1997. *Al-Aʿlām*. jil 7. hlm 215.

<sup>7</sup> Beliau ialah Muḥammad ibn Abī Bakar ibn Ayyūb, Abū ʿAbdullah (691H-751H/1292M-1350M). Beliau dilahirkan dan meninggal dunia di Damshiq. Beliau merupakan ulama yang banyak mengarang sepanjang hidupnya. Antara karya beliau ialah *īlām al-muwaqqiʿīn*, *al-ṭuruq al-ḥukmiyyah*, *shifāʾ al-ʿalīl*, *aḥkam ahl al-dhimmah* dan lain-lain lagi. al-Zirikliyy, Khayr al-Dīn. 1997. *Al-Aʿlām*. jil 6. hlm 56.

<sup>8</sup> Kategori ijmak dari sudut cara pembentukan dan persepakatan ke atas sesuatu hukum terbahagi kepada dua bahagian, iaitu: *al-ijmāʿ al-ṣarīḥ* dan *al-ijmāʿ al-sukūtiyy*. Kategori pertama merupakan hasil persepakatan daripada kesemua ulama yang hadir tanpa sebarang bentuk bantahan. Manakala kategori kedua ialah persepakatan yang tidak menyeluruh iaitu terdapat segelintir ulama yang berdiam diri dengan mengambil sikap berkecuali.

<sup>9</sup> Menurut kebanyakan ulama uṣūl al-fiqh yang terkini, sandaran kepada Imam al-Shāfiʿiyy tentang penolakannya ke atas *qawl al-ṣaḥābiyy* sebagai sumber hukum adalah tidak tepat dan tidak berasas. Ini kerana ianya bertentangan dengan riwayat Imam al-Shāfiʿiyy sendiri dalam karya terakhirnya iaitu al-Umm dan *al-Risālah*. Ini menunjukkan Imam al-Shāfiʿiyy menerima *qawl al-ṣaḥābiyy* sebagai sumber hukum sama seperti pandangan *qadīm* di Iraq. Sebagai contoh, beliau berkata apabila ditanya tentang pendapat sahabat dalam karyanya al-Risalah: “Kita akan berpegang dengannya (pendapat sahabat) sekiranya menyokong nas al-Quran, al-Sunnah, al-Ijmaʿ atau qiyas yang paling tepat”. al-Shāfiʿiyy, Muḥammad ibn Idrīs. t.th. *Al-Risālah*. Beirut: al-Maktabah al-ʿIlmiyyah. hlm 596, Muḥammad Saʿīd Shaḥātih Maṣṣūr. *Al-Adillah al-ʿAqliyyah Wa ʿAlāqatuhā Bi al-Naqliyyah ʿInd al-Uṣūliyyīn*. hlm 505-507.

<sup>10</sup> Kategori ijmak yang khusus dari sudut individu yang menggubalnya terbahagi kepada beberapa bahagian; iaitu: *ijmāʿ ahl al-Madīnah*, *ijmāʿ ahl al-Ḥaramayn*, *ijmāʿ ahl Miṣrayn*, *ijmāʿ al-Shaykhayn* (Abu Bakar dan ʿUmar), *ijmāʿ al-Khulafāʾ al-Rāshidīn*, *ijmāʿ al-ʿAtrah* (*ahl al-bayt*). Namun, ulama berselisih pandangan dalam menerima setiap bahagian ijmak tersebut sebagai sumber hukum. Shaʿbān, Muḥammad Ismāʿīl. 1413H/1993M. *Dirāsāt Ḥawl al-Ijmāʿ Wa al-Qiyās*. Kaherah: Maktabah al-Nahḍah al-ʿArabiyyah. hlm 161-178.

<sup>11</sup> Beliau ialah Khalīl ibn Kaykaldiyy ibn ʿAbdullah, Abū Saʿīd (694H-761H/1295M-1359M). Dilahirkan di Damshiq dan meninggal dunia di Quds. Antara penulisan beliau ialah *al-majmūʿ al-madḥḥab fī qawāʿid al-madḥḥab*, *al-arbaʿīn fī aʿmāl al-muttaqīn*, *manḥat al-rāʿid* dan lain-lain lagi. al-Zirikliyy, Khayr al-Dīn. 1997. *Al-Aʿlām*. jil 2. hlm 321.

<sup>12</sup> Biografi tokoh ini dikumpulkan daripada pelbagai sumber. Lihat: Ibn ʿAbd al-Bar al-Qurṭubiyy, Yūsuf ibn ʿAbdullah. 1415H/1995M. *Al-Istīʿāb Fī Maʿrifat*

*al-Aṣḥāb*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah. jil 2. hlm 111, Ibn al-Athīr, ʿIzz al-Dīn Abu al-Ḥasan ʿAliyy ibn Muḥammad al-Jazriyy. 1414H/1993M. *Usd al-Ghābah Fī Maʿrifat al-Ṣaḥābah*. Beirut: Dar al-Fikr. jil 2. hlm 137, al-Mizziyy, Jamāl al-Dīn Abū al-Ḥajjāj Yūsuf. 1413H/1992M. *Tahdhīb al-Kamāl Fī Asmāʾ al-Rijāl*. Beirut: Muʿassasat al-Risālah. jil 10. hlm 24, al-Dhahabiyy, Shams al-Dīn Muḥammad ibn Aḥmad ibn ʿUthmān. 1410H/1990M. *Siyar Aʿlām al-Nubalaʾ*. Beirut: Muʿassasat al-Risālah. jil 2. hlm 426, Ibn Hajar al-ʿAsqalāniyy, Aḥmad ibn ʿAliyy. 1415H/1995M. *Al-Iṣābah Fī Tamyīz al-Ṣaḥābah*: Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah. jil 2. hlm 490.

<sup>13</sup> *Umm walad* ialah salah satu kategori hamba selain *al-qinn*, *al-mubaʿad*, *al-mukātab* dan *al-mudabbar*.

<sup>14</sup> Beliau ialah Khārijah ibn Zayd, Abū Zayd (29H-99H/650M-717M). Beliau merupakan anak Zayd yang terkenal sebagai ilmuan tabiʿīn daripada tujuh orang faqīh Madinah. al-Zirikliyy, Khayr al-Dīn. 1997. *Al-Aʿlām*, jil 2, hlm 293.

<sup>15</sup> Beliau ialah ʿAbd al-Rahman ibn Sakhar al-Dūsiyy (21 sebelum H-59H/602M-679M). Beliau merupakan seorang sahabat yang paling banyak meriwayatkan ḥadīth iaitu kira-kira 5374 ḥadīth. Memeluk Islam pada tahun 7H. al-Zirikliyy, Khayr al-Dīn. 1997. *Al-Aʿlām*. jil 3. hlm 308.

<sup>16</sup> Beliau ialah Qabīṣah ibn Dhuayb (1H-86H/622M-705M). Beliau meninggal dunia pada zaman pemerintahan ʿAbd al-Mālik ibn Marwān di Damshiq. al-Zirikliyy, Khayr al-Dīn. 1997. *Al-Aʿlām*. jil 5. hlm 189.

<sup>17</sup> Beliau ialah ʿĀmir ibn Sharāḥīl, Abū ʿAmrū (19H-103H/640M-721M). Dilahirkan dan meninggal dunia di Kufah. Beliau merupakan faqīh *al-tābiʿīn*, penyair dan perawi ḥadīth yang *thiqah*. al-Zirikliyy, Khayr al-Dīn. 1997. *Al-Aʿlām*, jil 3, hlm 251.

<sup>18</sup> Beliau ialah ʿAbdullah ibn ʿAbbās ibn ʿAbd al-Muṭallib (3 sebelum Hijrah - 68H/619M-687M). Digelar dengan *ḥibr al-Ummah dan turjumān al-Qurʾān*. Beliau merupakan tokoh ilmuan sahabat dan ḥadīth yang diriwayatkan oleh beliau di dalam *al-Ṣaḥīḥayn* ialah sebanyak 1660 ḥadīth. al-Zirikliyy, Khayr al-Dīn. 1997. *Al-Aʿlām*, jil 4, hlm 95.

<sup>19</sup> Beliau ialah Muḥammad ibn Sīrīn al-Baṣriyy (33H-110M/653M-729M). Seorang tabiʿīn yang terkenal dengan kewarakan, periwat ḥadīth dan ulama fiqh. Beliau dilahirkan dan meninggal dunia di Basrah. al-Zirikliyy, Khayr al-Dīn. 1997. *Al-Aʿlām*. jil 6. hlm 154.

<sup>20</sup> *al-Yamāmah* adalah nama kawasan di tenggara semenanjung Arab. Penduduknya telah murtad pada zaman khalifah Abu Bakar r.a. Maka berlakulah pertempuran di antara tentera khalifah dengan golongan murtad

tersebut yang diketuai oleh Musaylamat al-Kadhhdhāb pada penghujung tahun ke sebelas hijrah. Al-Suyūṭiyy, Abū al-Faḍl Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān Abu Bakar. *Tārīkh al-khulafā’*, hlm 70.

<sup>21</sup> Beliau ialah Muḥammad ibn ‘Aliyy ibn Muḥammad (1173H-1250H/1760M-1834M). Beliau merupakan seorang mujtahid dan *faqīh* di Yaman. Beliau memiliki kewibawaan yang tinggi dalam penulisan dan telah menghasilkan lebih kurang 114 karya seperti *nayl al-awṭār*, *al-durrar al-bahiyah*, *fatḥ al-qadīr*, *irshād al-faḥūl* dan lain-lain lagi. al-Zirikliyy, Khayr al-Dīn. 1997. *Al-A‘lām*. jil 6. hlm 298.

<sup>22</sup> Jumhur ulama membahagikan hak-hak yang berkaitan dengan harta peninggalan si mati adalah seperti keutamaan berikut: 1. Pengurusan jenazah, 2. Menyelesaikan hutang, 3. Melaksanakan wasiat; dan 4. Pengagihan sebagai harta pusaka.

<sup>23</sup> Terdapat 11 ayat yang berkait rapat dengan hukum *farā’id*. Walau bagaimanapun, perincian kadarnya hanya tertumpu dalam surah al-Nisā’. Ayat-ayat tersebut ialah: Surah al-Baqarah dalam ayat 180, Surah al-Nisā’ dalam ayat 7,8, 11, 12, 19, 33 dan 176, Surah al-Anfāl dalam ayat 72 dan 75, dan Surah al-Aḥzāb dalam ayat 6.

<sup>24</sup> Beliau ialah Muḥammad Amīn ibn ‘Umar ibn ‘Abd al-‘Azīz (1198H-1252H/1784M-1846M). Dilahirkan dan meninggal dunia di Damshiq. Beliau merupakan salah seorang ulama dan *faqīh* dalam madhhab Hanafi. Antara karya beliau ialah *Rad al-muḥtār ‘ala al-durr al-mukhtār*, *al-‘uqūd al-durriyyah*, *nasamāt al-ashḥār* dan lain-lain lagi. al-Zirikliyy, Khayr al-Dīn. 1997. *Al-A‘lām*, jil 6, hlm 42.

<sup>25</sup> Beliau ialah Ibrāhīm ibn ‘Abdullah ibn Ibrāhīm (meninggal dunia tahun 1189H/1775M). Beliau merupakan seorang ulama madhhab Hanbali dan tokoh dalam bidang *farā’id*. Beliau dilahirkan dan meninggal dunia di Madinah. Beliau terkenal dengan karya *farā’id* yang berjudul *al-‘Adhb al-fā’id sharḥ ‘umdat al-fā’id*. al-Zirikliyy, Khayr al-Dīn. 1997. *Al-A‘lām*, jil 1, hlm 50.

<sup>26</sup> Faktor-faktor pemilikan harta terbahagi kepada empat bahagian utama: 1. Penguasaan ke atas harta yang diharuskan dan belum dimiliki, 2. Akad, 3. Penggantian; pewarisan termasuk dalam kategori ini; dan 4. Lahir daripada harta asal. Lihat: Al-Zarqā’, Muṣṭafa Aḥmad. 1968. *Al-Madkhal al-Fiqhiyy al-‘Amm*. Damshiq: Maṭābi‘ al-Adīb. jil 1. hlm 242-254.

<sup>27</sup> Prinsip-prinsip asas perundangan Islam terdiri daripada tiga unsur iaitu: tidak menyempitkan (*‘adam al-ḥaraj*), kurang bebanan tanggungjawab (*taqlīl al-takālīf*) dan berperingkat-peringkat (*al-tadrīj*). Lihat: Bik, Muḥammad al-Khaḍariyy. 1414H/1994M. *Tārīkh al-Tashrīf al-Islāmiyy*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. hlm 58-60

- <sup>28</sup> Ketiga-tiga ayat ini iaitu ayat 11, 12 dan 176 daripada Surah al-Nisā' menjadi sandaran utama sistem agihan *farā'id* dan dikenali dengan ayat-ayat *al-mir'āth*.
- <sup>29</sup> Beliau ialah 'Abdullah ibn Shubrumah ibn al-Tufayl ibn Ḥassān (meninggal pada tahun 144H). Beliau merupakan seorang *faqīh tābi'īn* di Kufah. Seorang yang *thiqah* dalam bidang hadīth, penyair dan mempunyai akhlak yang terpuji. al-Mizziyy. *Tahdhīb al-Kamāl*. jil 15. hlm 76.
- <sup>30</sup> Beliau ialah 'Abd al-Raḥman ibn Abī Laylā, Abu 'Īsa (meninggal dunia pada tahun 83H). Beliau juga mempunyai nama-nama lain iaitu Yasār, Bilāl dan Daud. Beliau merupakan seorang *tābi'īn* yang *thiqah* di Kufah dan sempat bertemu dengan 120 orang sahabat Rasulullah SAW al-Mizziyy. *Tahdhīb al-Kamāl*. jil 17. hlm 372.
- <sup>31</sup> Beliau ialah Ibrāhīm ibn Khālid ibn Abī al-Yamān al-Kalbī, Abū Thawr (meninggal dunia tahun 240H/854M). Seorang *faqīh* dalam madhhab al-Shāfi'iy yang terkenal dengan keilmuan dan kewarakan. al-Zirikliyy, Khayr al-Dīn. 1997. *Al-A'lām*, jil 1, hlm 37.
- <sup>32</sup> Jumhur ulama berpendapat istilah *al-'aqilah* merujuk kepada waris lelaki yang memperolehi pusaka secara *'aṣabah*. Mereka merupakan ahli keluarga yang bersambung di sebelah bapa dan tidak diselangi dengan waris perempuan. Golongan ini bertanggungjawab membantu waris yang terlibat dengan jenayah bunuh atau kesalahan lain yang dikenakan hukuman *diyyah*. Sayf Rajab Qazamil. 1999. *Al-'Aqilah fi al-Fiqh al-Islamiyy*. Mesir: Maktabah al-Ish'ā' al-Fanniyyah. hlm 9.
- <sup>33</sup> Hukum fiqh terbahagi kepada dua iaitu: *al-hukm al-taklīfiyy* dan *al-hukm al-wad'iyy*. Kategori pertama lebih tertumpu kepada perintah Allah SWT ke atas mukallaf yang berkaitan dengan suruhan, larangan atau pilihan. Manakala kategori kedua pula lebih berkaitan tentang hubungan atau perkaitan antara sesuatu perkara dengan perkara yang lain. 'Abd al-Karīm Zaydān. 1415H/1994M. *Al-Wajīz Fī Uṣūl al-Fiqh*. Beirut: Mu'assasat al-Risālah. hlm 26.
- <sup>34</sup> Dari sudut bahasa bererti: sebahagian daripada sesuatu yang menjadi asas kepadanya. Ibrāhīm Anīs et al. 1392H/1972M. *Al-Mu'jam al-Wasīṭ*. hlm 370.
- <sup>35</sup> Dari sudut bahasa bermaksud: memerintahkan sesuatu dan mewajibkannya. Ibrāhīm Anīs et al. *Al-Mu'jam al-Wasīṭ*, hlm 478.
- <sup>36</sup> Dari sudut bahasa bermaksud: tali, jalan, hubungan kerabat dan setiap sesuatu yang menghubungkan kepada perkara yang lain. Ibrāhīm Anīs et al. *Al-Mu'jam al-Wasīṭ*. hlm 370.

<sup>37</sup> Kebiasaannya sebab ini disebut dengan *al-qarābah al-haqāqīyyah* kerana membezakan kedudukannya dengan istilah *al-qarābah al-ḥukmiyyah*. Istilah kedua digunakan bagi menunjukkan hubungan mereka yang membebaskan hamba.

<sup>38</sup> Mereka ialah ulama madhhab empat selain madhhab Shafī'iy. Ulama Shafī'iy berpandangan bahawa perceraian yang dikategorikan sebagai *talāk bā'in* akan memutuskan hubungan suami isteri. Oleh itu, isteri tidak akan mewarisi harta bekas suaminya yang meninggal dunia walaupun semasa tempoh iddahnya. Al-Shīrāziyy, Ibrāhīm ibn 'Aliyy. 1416H/1995M. *Al-Muhadhdhab*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah. jil 2. hlm 408.

<sup>39</sup> *Al-Māni'* dari sudut bahasa bererti pemisah antara dua perkara serta menyisihkan. Ibrāhīm Anīs et al. *Al-Mu'jam al-Wasīf*. hlm 888.

<sup>40</sup> Beliau ialah Ibrāhīm ibn Yazīd ibn Qays ibn al-Aswad al-Nakha'ī, Abū 'Imrān (46H-96H/666M-815M). Beliau merupakan salah seorang *faqīh al-tābi'īn* di Iraq. al-Zirikliyy, Khayr al-Dīn. 1997. *Al-A'lam*. jil 1. hlm 80.

<sup>41</sup> Beliau ialah Sa'īd ibn al-Musayyib ibn Ḥazn (13H-94H/634M-713M) yang merupakan seorang *faqīh al-tābi'īn* di Madinah. Beliau dianggap sebagai periwayat utama yang mengambil hukum fiqh daripada 'Umar. al-Zirikliyy, Khayr al-Dīn. 1997. *Al-A'lam*. jil 3. hlm 102.

<sup>42</sup> Maksud kepada gelaran tersebut ialah: *al-gharawān* iaitu bercahaya kerana ia menyerupai bintang yang menyinar, *al-gharīmatān* ialah dua orang yang berhutang kerana suami atau isteri akan menuntut bahagian mereka terlebih dahulu sebelum ibu dan bapa, *al-gharībatān* adalah diambil daripada perkataan pelik kerana masalah ini merupakan kes tersendiri melibatkan waris *aṣḥāb al-furūd* yang bahagiannya disebut secara jelas dalam al-Quran dan *al-'umariyyatān* ialah gelaran yang disandarkan kepada 'Umar kerana beliau merupakan khalifah yang mula-mula menyelesaikan masalah ini. Wazārat al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah. *Al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*. jil 3. hlm 78.

<sup>43</sup> Penulis akan menerangkan kaedah pengagihan menurut pandangan Zayd kerana ia merupakan fokus utama perbincangan. Ringkasnya, 'Aliyy mempunyai pandangan yang sama dengan Zayd kecuali dalam dua perkara iaitu: 1. Datuk tidak mengubah secara *'aṣabah* kedudukan saudara perempuan apabila tiada bersamanya saudara lelaki yang menta'sibnya, dan 2. Saudara-saudara sebapa tidak akan diambil kira dalam pengiraan sejak mula pengagihan apabila terdapat bersamanya saudara-saudara seibu sebapa. Keadaan ini berlaku apabila bahagian yang diterima adalah secara berkongsi (*muqāsamah*) antara mereka.

<sup>44</sup> Sekiranya penggunaan kaedah 'Aliyy, maka bahagian datuk ialah 1/2 iaitu baki pusaka dan saudara perempuan mendapat 1/2 secara *farḍu*.

<sup>45</sup> Perincian kes ini akan dibincangkan di dalam bab v.

<sup>46</sup> Beliau ialah <sup>c</sup>Abdullah ibn Muḥammad ibn Abī Shaybah (159H-235H/776M-849M). Beliau merupakan salah seorang tokoh dalam ḥadīth dan antara karya beliau ialah *al-musnad*, *al-muṣannaf* dan *al-īmān*. al-Zirikliyy, Khayr al-Dīn. 1997. *Al-A<sup>c</sup>lām*. jil 4. hlm 117.

<sup>47</sup> Kes *al-akdariyyah* ini akan dibincangkan di dalam bab v.

<sup>48</sup> Penulis akan menerangkan bahagian yang pertama sahaja disebabkan permasalahan hamba sudah tidak wujud pada masa kini.

<sup>49</sup> Dari sudut bahasa ia bermaksud kembali dan berpaling. Al-Rāziyy, Muḥammad ibn Abī Bakar. *Mukhtār al-Ṣiḥḥāh*. hlm 305.

<sup>50</sup> Kes ini melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu suami, ibu, saudara-saudara seibu (dua orang dan lebih) dan saudara (lelaki dan perempuan) seibu sebapa.

<sup>51</sup> Kes ini melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu suami, ibu, datuk dan saudara perempuan seibu sebapa atau sebapa.

<sup>52</sup> Kes ini melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu suami, ibu, datuk, saudara-saudara seibu dan seorang saudara lelaki sebapa.

<sup>53</sup> Kes ini melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu suami, ibu, datuk, saudara-saudara seibu dan seorang saudara seibu sebapa.

<sup>54</sup> Kes ini melibatkan dua situasi iaitu si mati yang meninggalkan waris iaitu suami, ibu dan bapa atau si mati yang meninggalkan waris iaitu isteri, ibu dan bapa.

<sup>55</sup> Kes ini melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu isteri, dua orang anak perempuan, ibu dan bapa.

<sup>56</sup> Kes ini melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu isteri, ibu, dua orang anak perempuan, dua belas saudara seibu sebapa dan seorang saudara perempuan seibu sebapa.

<sup>57</sup> Kes ini melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu suami, ibu, empat orang saudara perempuan seibu dan dua orang saudara perempuan seibu sebapa.

<sup>58</sup> Kes ini melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu tiga orang isteri, dua orang nenek yang sama kedudukan, empat orang saudara perempuan seibu dan lapan orang saudara perempuan seibu sebapa.

<sup>59</sup> Kes ini melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu ibu, datuk dan seorang saudara perempuan seibu sebapa atau sebapa.

<sup>60</sup> Kes ini melibatkan dua keadaan; pertama: si mati yang meninggalkan waris iaitu suami dan seorang saudara perempuan seibu sebapa, kedua: si mati meninggalkan suami dan seorang saudara perempuan sebapa.

<sup>61</sup> Kes ini melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu suami, ibu dan seorang saudara perempuan seibu sebapa.

<sup>62</sup> Kes ini melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu suami dan enam orang saudara perempuan daripada semua pangkat (2 orang seibu sebapa, 2 orang sebapa dan 2 orang seibu).

<sup>63</sup> Kes ini melibatkan si mati yang meninggalkan waris iaitu bapa, ibu dan dua orang anak perempuan. Kemudian salah seorang anak perempuan meninggal dunia dan meninggalkan waris-waris yang lain.

